

Bancian online

Orang ramai boleh isi maklumat melalui laman web www.statistics.gov.my

>>Oleh Aniza Zainudin

anizazainudin@hmetro.com.my

KUALA LUMPUR: Orang ramai kini mempunyai pilihan terbaru bagi melakukan bancian tanpa perlu ditemuramah apabila Jabatan Perangkaan Malaysia (JPM) memperkenalkan sistem bancian secara online (e-census).

Menurut kenyataan JPM, sasaran pengguna sistem e-census adalah golongan yang menetap di bandar dan sentiasa terikat dengan kerja sehingga sukar untuk ditemui di rumah.

"Responden (penduduk) boleh mengisi soal selidik secara online melalui laman web rasmi jabatan (www.statistics.gov.my) menggunakan kod akses yang dibekalkan.

"Penggunaan sistem ini lebih mudah kerana ia fleksibel dan tidak perlu ditemuramah oleh pembanci terutama mereka yang enggan mak-


lumat peribadi diketahui orang lain," menurut kenyataan berkennaan, semalam.

Menurut kenyataan itu, setiap responden yang ingin menggunakan e-census akan dibekalkan kit benci termasuk borang soal selidik, panduan mengisi sistem terbabit dan panduan mengisi soal selidik serta surat lawatan.

Sistem yang dilengkapi dengan ciri keselamatan itu bertujuan memberi kesedaran kepada penduduk mengenai tanggungjawab bagi menjayakan soal selidik Banci 2010 dengan maklumat tepat, sekali gus menjamin kualiti data diperoleh.

Responden juga boleh mendapatkan maklumat pengetahuan daripada pembanci sekiranya berminat menggunakan e-census selain temuramah dan sistem tinggal dan ambil (Dopu).

Bancian bukan hanya dilakukan di rumah, malah hotel, rumah tumpangan, institut



Responden boleh dikenakan tindakan di bawah Akta Banci 1960 jika mereka enggan memberikan maklumat benar, bekerjasama kepada pembanci, membuang atau merosakkan kad benci sebelum tempoh dua belas bulan dari tarikh pembancian"

>>Menurut sumber

perubatan, pengajian tinggi, penjara, perkampungan orang asli, diplomat asing dan orang tiada tempat tinggal dengan

surat kebenaran memasuki premis serta bantuan daripada pihak polis.

Data diperoleh daripada bancian akan digunakan sebagai maklumat pengiraan penduduk, perumahan dengan analisis demografi dan sosial serta memantau pergerakan penduduk bagi perancangan nasional.

"Responden boleh dikenakan tindakan di bawah Akta Banci 1960 jika mereka enggan memberikan maklumat benar, bekerjasama kepada pembanci, membuang atau merosakkan kad benci sebelum tempoh dua belas bulan dari tarikh pembancian," kata kenyataan itu.

Orang ramai yang ingin mendapat maklumat boleh menghubungi 1-800-88-7828 beroperasi dari jam 7.30 pagi hingga 7.30 malam bermula Jun dan berakhir September nanti atau e-mel ke benci2010@stats.gov.my atau lari laman web rasmi JPM.